

07 SEP 1997

ASEAN BERPENDIRIAN BERSAMA BERHUBUNG ISU MATAWANG

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Para menteri kewangan Asean akan mengambil pendirian bersama berhubung serangan manupulatif terhadap matawang serantau sebelum menghadiri mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)/Bank Dunia di Hong Kong.

Pendirian tersebut akan diambil ketika mesyuarat para menteri kewangan Asia-Eropah yang akan berlangsung di Bangkok pada 18 dan 19 Sept ini, timbalan perdana menteri Thailand Korn Dabbaransi memberitahu pemberita selepas menemui rakan sejawatannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini.

"Kita akan bermesyuarat sesama sendiri terlebih dahulu di Bangkok dan mengambil pendirian terhadap isu matawang. Kita akan membuat keputusan mengenai kedudukan Asean," kata Korn merangkap menteri industri Thailand.

Korn yang juga ketua Persatuan Badminton Thailand berada di sini untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan Persekutuan Badminton Asia di mana beliau dengan sebulat suara telah dilantik selaku presiden baru persekutuan tersebut.

Malaysia telah menyalahkan susut nilai matawang di rantau ini kepada para "manipulator" asing yang dikatakan bertindak balas terhadap penerimaan masuk Myanmar ke pangkuan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Asean).

Mengenai kemungkinan Myanmar tersingkir dari mesyuarat kedua Asia-Eropah (ASEM) di London tahun depan, Korn berkata Myanmar tidak seharusnya diketepikan.

"Kami (Asean) akan membincangkan bersama perkara ini dan akan berpendirian bersama," katanya.

Thailand percaya bahawa Myanmar, yang menyertai Asean bersama-sama Laos pada Julai, harus dibawa ke masyarakat dunia.

ASEM telah mengadakan mesyuarat sulungnya di Bangkok tahun lalu yang disertai Asean, 15 negara anggota Kesatuan Eropah (EU) serta tiga negara besar Asia, iaitu Korea Selatan, China dan Jepun.

Ditanya jika Thailand akan memulaukan ASEM sekiranya Yangon tersingkir, katanya Bangkok belum lagi memutuskan tentang perkara tersebut.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membayangkan bahawa beliau mungkin tidak akan menghadiri mesyuarat tersebut sekiranya EU berkeras mahu Myanmar disingkirkan. -- BERNAMA

AD/SHO/AZZ MA